

# SCEF 2014 usaha tingkat kemahiran berbahasa Inggeris

**KUALA TERENGGANU 3 Dis.** - Kumpulan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menganjurkan program *Sketch Competition and English Fest (SCEF) 2014* di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, di sini kelmarin.

Program itu merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan dengan cara mudah dan menghiburkan.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Bahasa Komunikasi (FBK) UniSZA, Engku Suhaimi Engku Atek berkata, di samping itu, program tersebut turut mendedahkan pelajar tentang teknik serta cara mengendalikan sesebuah majlis dengan berkesan.

"Kami di UniSZA amat menyokong segala program yang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar selagi tidak bertentangan dengan akidah dan tatasusila," katanya ketika berucap dalam majlis pe-


nutup program tersebut.

Beliau juga turut menyeru agar setiap peserta dan pelajar membuang rasa malu bertutur dalam Bahasa Inggeris kerana penguasaan bahasa ini menjadikan mereka lebih berdaya saing terutama ketika menyertai pasaran kerja.

Pada program tersebut, kumpulan Teater The Stilletto dari UniSZA berjaya menjadi juara selepas menewaskan empat pasukan lain dalam pertandingan sketsa dengan membawa pulang wang tunai RM400 beserta trofi, hamper dan sijil.

Tempat kedua pula menjadi milik kumpulan Teater Of Najla dari UniSZA dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di tempat ketiga manakala Alif Imran Mohd Mustafa dan Nur Attilia Farhana Mohd Zali dari UniSZA dipilih sebagai pelakon lelaki dan wanita terbaik.

Pelbagai aktiviti turut diadakan bagi memeriahkan program berkenaan, antaranya pameran bertemakan World English, kuiz, tayangan video interaktif Bahasa Inggeris serta persembahan koir.



**PARA** pelajar UniSZA mempersembahkan teater bahasa Inggeris sewaktu program *Sketch Competition and English Fest 2014* di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

SUTUSAN MALAYSIA 4/12/2014